

**Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR**  
**Tempat : [s.l]**  
**Tarikh : 2 NOVEMBER 2002**  
**Tajuk : MAJLIS PENERANGAN ISU-ISU GLOBALISASI DAN PERANAN  
MALAYSIA DI ARENA ANTARABANGSA ANJURAN MAJLIS BELIA  
DAERAH TAMPIN**

Tuan Pengerusi Majlis,

YB Dato' Shaziman bin Abu Mansor  
Ahli Parlimen Kawasan Tampin,

YBhg.Dato' Haji Waad bin Haji Mansor  
Pengerusi Majlis Belia Daerah Tampin,

Tuan-Tuan & Puan-Puan yang saya hormati,

Assalamualaikom Warahmatullahi Wabarokatuh

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Belia Daerah Tampin kerana mengundang saya untuk menyampaikan ceramah mengenai isu-isu yang berkaitan dengan globalisasi. Tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur kerana berjaya menganjurkan Majlis ini dengan jayanya sekali.

2. Seperti yang kita sedia maklum, globalisasi membawa banyak cabaran serta implikasi kepada setiap lapisan masyarakat, termasuklah golongan belia. Oleh itu, saya berpendapat pengajuran ceramah ini adalah wajar dan tepat memandangkan peranan belia sebagai satu komponen penting dalam pembangunan negara dalam era globalisasi.

3. Seperti negara-negara yang lain, Malaysia terpaksa berhadapan dengan globalisasi iaitu dunia tanpa sempadan. Kemajuan teknologi komunikasi dan kemudahan penerbangan telah menjadikan dunia semakin kecil dan pemisahan antara negara-negara tidak lagi dapat dipertahankan. Namun, ini tidak bermakna kita tidak boleh pertahankan kebebasan negara kita. Kita tidak percaya orang asing akan mempertahankan kepentingan kita, terutama jika mereka terdiri dari pedagang wang dan barangan yang mengutamakan keuntungan bagi mereka sahaja. Walaupun kita terpaksa berhadapan dengan proses globalisasi, kita percaya bentuknya masih boleh diperbaiki supaya hak dan kepentingan negara-negara membangun dapat dipertahankan.

4. Walaupun kita mengetahui bahawa proses globalisasi dimanifestasi oleh perkembangan demokrasi liberal ala barat, liberalisasi ekonomi serta perkembangan mendadak didalam bidang teknologi, ia juga mengambil bentuk yang juga kurang diketahui umum, seperti contoh, pergerakan manusia merentasi sempadan negara asal mereka dalam usaha mencari peluang ekonomi, timbulnya apa yang disebut sebagai `global monoculture' yang berasaskan budaya Barat dan juga peningkatan

didalam aktiviti jenayah rentas sempadan. Apa yang nyata ialah proses globalisasi telah mendatangkan implikasi mendalam terhadap peranan kerajaan sebagai penentu kedamaian, keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

5. Justeru itu, proses globalisasi mewujudkan kebimbangan terutamanya kepada negara-negara membangun. Setakat ini, faedah dari proses globalisasi kebanyakannya dinikmati oleh negara-negara maju. Jurang pendapatan antara negara maju dan membangun secara amnya semakin meluas. Jumlah mereka yang termiskin, yang majoritinya tinggal di negara-negara membangun juga telah bertambah. Ini jelas berlaku di Afrika dan beberapa negara di Asia.

6. Akibat dari proses globalisasi, kita lihat semakin banyak peraturan dan dasar yang mempengaruhi kehidupan orang kita sekarang dibuat oleh orang lain di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, keupayaan kerajaan yang dilantik secara demokratik untuk merumuskan dasar-dasar untuk kebaikan rakyat telah terjejas. Ini tentu sekali akan menjejaskan target atau objektif dasar sosio-ekonomi negara. Dalam hal ini, semua kaum termasuk Bumiputra akan turut terlibat.

7. Globalisasi dengan sendirinya tidak akan membawa kemakmuran. Malahan, kita dapat melihat bahawa dasar-dasar yang dikenakan oleh institusi-institusi 'juara pasaran bebas' seperti IMF dan Bank Dunia telah membawa mudarat kepada negara-negara membangun. Masalah ini adalah disebabkan sistem pentadbiran IMF yang lebih cenderung untuk mempertahankan kepentingan negara-negara maju. Sistem ini harus diubah supaya menjadi lebih telus (transparent) dan memberi peluang kepada negara-negara membangun untuk menyuarakan pendapat mereka.

8. Seperti kita sedia maklum, krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dan krisis yang juga telah melanda Argentina sejak tahun lepas, telah menunjukkan secara jelas dan nyata cabaran yang timbul dari proses globalisasi. Ia menunjukkan bahawa sistem kewangan antarabangsa yang sedia ada telah gagal untuk menangani masalah-masalah yang kian kompleks yang timbul dari proses globalisasi. Sebagai contoh, sistem tersebut tidak dapat menghalang malapetaka yang disebabkan aliran kewangan yang tidak menentu. Malahan, negara-negara yang dianggap sebagai contoh pembangunan seperti Malaysia telah menerima padah yang buruk.

9. Proses globalisasi harus dikendalikan secara berhemah dan mengambil kira tahap pembangunan setiap negara supaya faedah daripada proses tersebut dapat dinikmati bersama. Justeru itu, terdapat keperluan supaya sistem kewangan dan perdagangan antarabangsa diubahsuai. Bagaimanapun, Malaysia tidak berpuas hati dengan proses pembaharuan itu kerana ia terlalu perlahan dan tidak menyeluruh. Perkara ini terjadi oleh sebab halangan dan tentangan beberapa negara-negara maju.

10. Malaysia bukanlah bersifat anti-globalisasi. Malahan, Malaysia telah menikmati faedah dari proses tersebut. Malaysia adalah negara membangun yang paling terbuka atau "globalised". Sebagai contoh, Malaysia adalah negara perdagangan yang ke 17 terbesar di dunia. Namun demikian, disebabkan perkembangan terkini di peringkat antarabangsa seperti krisis kewangan Asia dan Argentina, kita percaya

bahawa masyarakat antarabangsa seharusnya memikir semula proses globalisasi dengan mengambil kira kesan-kesan negatif proses tersebut.

11. Kita percaya bahawa globalisasi sekiranya ia dikendalikan secara berhemah, akan dapat membantu menjanakan sistem antarabangsa yang lebih saksama, di mana jurang perbezaan antara yang terkaya dan termiskin tidak terlalu besar. Kita seharusnya menekankan hasil, dan bukannya proses. Jika hasil sesuatu tindakan itu mendatangkan faedah, maka wajarlah ia dilaksanakan. Akan tetapi, jika tindakan tersebut mendatangkan kemudaratan, wajar sekali ianya diubah dan difikirkan semula.

12. Malaysia agak berpuas hati dengan beberapa perkembangan positif di peringkat antarabangsa. Kini jelas pendapat Malaysia mengenai globalisasi semakin mendapat sokongan, terutamanya di kalangan negara-negara maju yang kini mengakui tentang kesan buruk yang timbul dari proses globalisasi.

13. Tidak dapat dinafikan bahawa proses globalisasi mempunyai implikasi bukan sahaja didalam bidang ekonomi, tetapi juga bidang politik dan keselamatan. Yang paling nyata ialah proses tersebut telah membawa kesan terhadap konsep Kedaulatan Negara yang menjadi tunjang dan asas bagi undang-undang antarabangsa dan juga usaha 'nation building'.

14. Pada masa yang sama, globalisasi juga telah 'mengglobalisasikan' ancaman terhadap keselamatan negara. Contoh yang paling ketara ialah peningkatan aktiviti-aktiviti keganasan antarabangsa (international terrorism) yang dibantu oleh kemajuan mendadak didalam bidang kewangan yang memungkinan aktiviti-aktiviti tersebut dibiayai oleh sumber-sumber dari luar negeri. Pergerakan merentasi sempadan yang lebih mudah juga telah memudahkan lagi usaha penganas-penganas tersebut. Tambahan pula, globalisasi juga telah menyebabkan perkembangan mendadak didalam aktiviti-aktiviti jenayah rentas sempadan (transnational crime) seperti penyeludupan.

15. Proses globalisasi yang mengakibatkan dunia tanpa sempadan telah memudahkan pergerakan buruh asing. Didalam hal ini, Malaysia mengalu-alukan kedatangan pekerja-pekerja asing ini, dengan syarat bahawa mereka mempunyai dokumen-dokumen yang sah dan mematuhi undang-undang negara serta menghormati tatabudaya kita. Walau bagaimanapun, terdapat juga warganegara asing yang masuk ke negara kita secara haram. Tidak dapat dinafikan bahawa antara mereka terdapat juga yang terlibat didalam aktiviti jenayah dan aktiviti-aktiviti lain yang kurang sihat. Oleh yang demikian, kerajaan telah terpaksa mengambil langkah-langkah untuk membendung gejala tersebut sebelum ianya bertambah serius.

16. Negara kita sentiasa memainkan peranan yang aktif di medan antarabangsa, terutamanya dalam menyuarakan pendapat dan mempertahankan kepentingan negara-negara membangun. Suara dan pendapat Malaysia sentiasa diberi perhatian baik oleh negara maju mahupun membangun. Ini adalah disebabkan oleh imej

Malaysia sebagai negara membangun contoh. Sebagai bukti, negara telah diberi penghormatan untuk menganjurkan dua Sidang Kemuncak pada tahun hadapan, iaitu Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada bulan Februari 2003 dan Sidang Kemuncak OIC pada bulan Oktober 2003. Sebagai Pengerusi NAM dan OIC pada tahun hadapan, Malaysia akan memainkan peranan yang lebih aktif diperingkat antarabangsa.

17. Pada masa yang sama, Malaysia terus mengambil langkah untuk memperkukuhkan hubungan duahala dan pelbagaihala dengan negara-negara lain, termasuklah juga dengan institusi-institusi dan badan-badan antarabangsa. Malaysia percaya usaha untuk membentuk proses globalisasi yang berhemah, adil dan saksama menuntut supaya dialog diperingkat antarabangsa dipertingkatkan lagi.

18. Didalam usaha kita untuk memastikan bahawa kebajikan dan kesejahteraan negara sentiasa terjamin didalam era globalisasi ini, kita perlu membuat persediaan untuk menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan globalisasi. Dalam hal ini, semua lapisan masyarakat hendaklah memainkan peranan masing-masing untuk mengharungi arus globalisasi ini. Arus ini akan terus mencorakkan struktur ekonomi dan sosial rakyat di masa hadapan. Golongan belia perlu menjadi lebih prihatin kepada cabaran dan arus globalisasi. Umpamanya, kaum belia perlu menguasai I.T. atau teknologi maklumat dan mahir dengan penggunaan komputer.

19. Seperti yang saya katakan tadi, golongan belia merupakan satu elemen yang penting dalam masyarakat Malaysia. Mereka mempunyai tenaga dan disiplin untuk memajukan pembangunan negara. Oleh itu, usaha-usaha hendaklah di ambil untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan untuk mewujudkan golongan belia yang gigih dan berdedikasi untuk mengatasi cabaran-cabaran globalisasi. Golongan belia sendiri hendaklah berusaha untuk meninggikan taraf keilmuan supaya dengan ilmu pengetahuan yang cukup dapat menyumbangkan tenaga secara berkesan dan bersedia memahami dan mengatasi cabaran globalisasi. Golongan belia harus berupaya untuk mempunyai sikap berdikari dan matlamat hidup yang tepat dan jelas, cita-cita yang tinggi dan berani untuk menghadapi perubahan.

20. Kita mesti sedar salah satu matlamat negara ialah mewujudkan masyarakat yang aman, stabil dan progresif dalam era globalisasi ini. Semua lapisan masyarakat mempunyai peranan masing-masing termasuklah golongan belia. Marilah kita bersama-sama menghadapi cabaran globalisasi ini yang kita tidak boleh elak. Insya-Allah, Malaysia akan mampu menangani kehidupan zaman dunia tanpa sempadan dengan sokongan semua rakyat termasuklah golongan belia.

Sekian, terima kasih.